

**NO. SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9047**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramai bekas rakyat Malaysia yang kembali semula ke Malaysia dan memohon semula kerakyatan sejak 10 tahun lepas.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Permohonan semula untuk menjadi warganegara Malaysia ini adalah dalam kalangan bekas warganegara yang telah diambil tindakan pelucutan kewarganegaraan atau pun yang telah membuat pelepasan kewarganegaraan. Oleh itu, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), dari tahun 2006 sehingga April 2016 terdapat seramai 75 orang telah memohon semula kewarganegaraan Malaysia.**